



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(58)

3 DISEMBER 2020

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-58/2020:

- I. PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING DI KAWASAN BERISIKO TINGGI MENGGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN
- II. ARAHAN LAPORAN UJIAN CALITAN (SWAB TEST) OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN (PKK) KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saringan Covid-19 untuk Pengawal Keselamatan Nepal menggunakan kaedah RTK Antigen
 - 2.1 Melalui Sidang media Menteri Kanan Keselamatan, YB Dato' Sri Sabri Yaakob bertarikh 27 November 2020, kerajaan telah menetapkan prosedur pelaksanaan Covid-19 kepada semua pekerja asing yang bekerja di Selangor, WP Kuala Lumpur, dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah.
 - 2.2 Susulan itu, melalui kenyataan media bertarikh 28 November 2020 seperti di lampiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan Program Saringan Covid-19 bagi Pekerja Asing secara bersasar, berjadual dan berperingkat yang akan dijalankan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), menggunakan kaedah RTK Antigen. Ianya telah dijadualkan seperti berikut:
 - i. **Daerah Klang dan Seremban bermula pada 1 Disember 2020;**
 - ii. **Lain-lain Daerah zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bermula pada 9 Disember 2020;**
 - iii. **Seluruh Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain Daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan bermula pada 16 Disember 2020.**


- 2.3 Ahli-ahli juga boleh **merujuk kepada Garis Panduan dan Soalan Lazim** berkaitan pelaksanaan program ini, yang turut dilampirkan bersama. Sehubungan itu, Pengawal Keselamatan Nepal yang mencarum dengan PERKESO dan bertugas di negeri dan daerah-daerah seperti di atas **digalakkan menjalani saringan RTK Antigen**. Ini termasuklah Pengawal Keselamatan yang telah melaksanakan ujian RT-PCR / *Swab Test* sebelum ini.
- 2.4 Majikan juga boleh memilih untuk menjalankan saringan di panel klinik atau hospital yang dilantik PERKESO. Menerusi kaedah ini, setiap **majikan hanya perlu membiayai caj perkhidmatan (service charge)**, manakala kos bagi kit RTK Antigen akan ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO. Senarai penuh panel klinik dan hospital boleh dilayari menerusi pautan **<https://psp.perkeso.gov.my/direktori-panel-perkhidmatan-rtk.html>**. Kemudahan ini hanya terpakai bagi kesemua Pengawal Keselamatan Nepal yang merupakan pencarum PERKESO.
- 2.5 Selaras dengan tanggungan sepenuhnya kit RTK Antigen oleh PERKESO, **tiada tuntutan subsidi lain akan diberikan kepada majikan**. Perkara ini telah dimaklumkan PERKESO kepada PIKM pada 1 Disember 2020.

3. **Arahan Laporan Ujian Calitan oleh Bahagian PKK KDN**

- 3.1 PIKM juga mengambil maklum berhubung kesulitan Ahli-ahli untuk memenuhi arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian PKK KDN melalui surat bertarikh 30 November 2020, untuk syarikat mengemukakan laporan ujian calitan (*swab test*) Pengawal Keselamatan warganegara Nepal kepada pihak KDN sebelum 8 Disember 2020.
- 3.2 Berhubung itu, **PIKM telah mengemukakan surat permohonan rasmi kepada pihak KDN untuk menangguhkan keperluan arahan tersebut**. Sebarang maklum balas dari pihak Kementerian terhadap permohonan tersebut, akan maklumkan kepada Ahli-ahli Persatuan kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN



**MENTERI SUMBER MANUSIA MALAYSIA
(Minister of Human Resources Malaysia)**

KENYATAAN MEDIA

**PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI
PEKERJA ASING DI KAWASAN BERISIKO TINGGI**

1. Kerajaan, melalui sidang media Menteri Kanan Keselamatan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob semalam, telah menetapkan prosedur pelaksanaan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing bermula dengan mereka yang bekerja di **Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan , Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah.**
2. Susulan pengumuman itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan melaksanakan Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing **secara bersasar berdasarkan lokaliti zon merah yang mempunyai kepadatan pekerja asing yang tinggi.**
3. Bagi membolehkan program dijalankan secara komprehensif, saringan COVID-19 ini akan dilaksanakan oleh agensi KSM iaitu **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama klinik dan hospital swasta.**
4. Ujian saringan ini akan dijalankan secara **berjadual dan berperingkat** dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah yang berisiko tinggi, mulai **1 Disember 2020.**

5. Berikut adalah **jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala** di daerah-daerah yang dikenal pasti iaitu:
- a. **Daerah Klang dan Seremban** bermula pada **1 Disember 2020**
 - b. Lain-lain daerah **zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang** bermula pada **9 Disember 2020**
 - c. Seluruh **Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan** bermula pada **16 Disember 2020**
6. Ujian saringan ini akan menggunakan **kaedah RTK Antigen** yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO. Majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital.
7. Bagi **pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO**, kos saringan perlu **ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan**.
8. Program saringan ini merupakan kolaborasi di antara agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta bagi memastikan ianya dilaksanakan secara menyeluruh, yang meliputi aspek saringan, pemantauan dan pengurusan kes selepas ujian dijalankan.
9. Program ini akan dikuatkuasakan oleh KSM di bawah **Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)** bagi mencegah penularan COVID-19 di kalangan pekerja asing.
10. Maklumat lanjut berkenaan program ini akan dikemaskini di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel hsp@perkeso.gov.my atau talian hotline 1-300-22-8000 atau 03-4264 5089.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
28 NOVEMBER 2020



SOALAN LAZIM

**PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING
MENGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN**

**DI NEGERI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR DAN LABUAN,
NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, DAN SABAH**

30 NOVEMBER 2020

1. APAKAH OBJEKTIF PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING?

Program saringan COVID-19 ke atas pekerja asing dilaksanakan bagi membantu usaha kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 di dalam Negara khususnya dalam kalangan pekerja asing.

Program ini mewajibkan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja di negeri **Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, dan Sabah**. Pelaksanaan program ini juga dilakukan selepas penilaian risiko yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati risiko jangkitan adalah lebih tinggi dalam kalangan pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

2. APAKAH KAEDAH UJIAN SARINGAN BAGI PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING?

Ujian saringan bagi pekerja asing di bawah program ini akan menggunakan kaedah *Rapid Test Kit* (RTK) Antigen. Ujian ini melibatkan pengambilan sampel melalui calitan rongga hidung (*nasal swab*) yang dilakukan oleh petugas kesihatan terlatih. Pengujian calitan boleh dijalankan dengan segera di lokasi pengambilan sampel dengan menggunakan katrij yang akan mengesan kewujudan antigen virus COVID-19. Keputusan saringan melalui kaedah ini boleh diperolehi dalam masa yang singkat dan memudahkan pengesanan jangkitan COVID-19.

3. APAKAH KRITERIA KELAYAKAN BAGI PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING?

Semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja di negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, dan Sabah **layak menjalani ujian saringan COVID-19 di bawah program ini.**

4. BILAKAH TARIKH KUATKUASA?

Ujian saringan ini dijalankan secara berjadual dan berperingkat dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah yang berisiko tinggi, mulai 1 Disember 2020. Berikut adalah jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala di daerah-daerah yang dikenal pasti iaitu:

- a. Daerah Klang dan Seremban bermula pada 1 Disember 2020;
- b. Lain-lain daerah zon merah di Selangor (Hulu Langat, Petaling, Gombak, Kuala Langat, Sepang), seluruh WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (Seberang Prai Selatan, Timur Laut, Barat Daya) bermula pada 9 Disember 2020;
- c. Seluruh Negeri Sabah, seluruh WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor (Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam), Pulau Pinang (Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Utara) dan Negeri Sembilan (Rembau, Tampin, Port Dickson, Jempol, Jelevu dan Kuala Pilah) bermula pada 16 Disember 2020.

5. SEKIRANYA PEKERJA PERNAH MENJALANI SARINGAN MELALUI KAEDAH RT-PCR, ADAKAH BELIAU BOLEH MEMBUAT SARINGAN SEMULA?

Pekerja asing yang pernah menjalani saringan sebelum ini menggunakan kaedah RT-PCR, pekerja tersebut boleh menjalani saringan sekali lagi bagi ujian RTK Antigen.

6. BAGAIMANAKAH PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING INI DILAKSANAKAN?

Ujian saringan dijalankan dengan kerjasama klinik dan hospital swasta secara berjadual dan berperingkat. Senarai panel yang boleh menjalankan ujian saringan RTK Antigen boleh dirujuk di <https://psp.perkeso.gov.my>. Ujian saringan ini akan menggunakan kaedah RTK Antigen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO. Majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital.

7. ADAKAH KOS SARINGAN BAGI PEKERJA-PEKERJA ASING YANG TIDAK MENCARUM DENGAN PERKESO JUGA AKAN DITANGGUNG OLEH PERKESO?

Bagi pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

8. ADAKAH MAJIKAN PERLU MENGHUBUNGI KLINIK ATAU HOSPITAL UNTUK PENETAPAN JADUAL SARINGAN?

Bagi mengelakkan kesesakan semasa saringan, majikan perlu menghubungi klinik atau hospital untuk menetapkan tarikh dan masa saringan. Senarai panel yang boleh menjalankan ujian saringan RTK Antigen boleh dirujuk di Direktori Panel di portal <https://psp.perkeso.gov.my>. Saringan boleh dijalankan sama ada di premis majikan atau di klinik/hospital dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PERKESO.

9. ADAKAH SUBSIDI AKAN DIBAYAR BAGI SARINGAN YANG DIJALANKAN DI BAWAH PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING?

Tanggungan yang diperuntukan adalah bagi menanggung perbekalan kit ujian RTK Antigen kepada klinik dan hospital. Majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital.

10. ADAKAH SARINGAN BOLEH DIJALANKAN DI PREMIS MAJIKAN?

Majikan boleh berbincang dengan klinik atau hospital yang menawarkan saringan untuk mengetahui sama ada saringan boleh dilakukan di tempat kerja. Kemudahan ini adalah bergantung kepada kapasiti dan kesesuaian serta perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.

11. ADAKAH MAJIKAN DIBENARKAN UNTUK BEROPERASI SETELAH PEKERJA MENJALANI SARINGAN?

Majikan boleh beroperasi seperti biasa tertakluk kepada arahan lanjut daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Tenaga Kerja berdasarkan **keputusan ujian saringan COVID-19 yang dijalankan**.

12. ADAKAH PEKERJA AKAN MENDAPAT KEPUTUSAN SARINGAN SETELAH MENJALANI SARINGAN?

Klinik atau hospital yang menjalankan saringan akan mengeluarkan keputusan saringan kepada majikan dan pekerja.

13. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA PEKERJA ASING BELUM MENDAFTAR ATAU MENCARUM DENGAN PERKESO?

Majikan perlu mendaftarkan pekerja asing sebagai pencarum PERKESO sebelum melayakkan mereka menjalani ujian saringan ini. Bagi pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

14. APAKAH LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL BAGI MENCEGAH JANGKITAN COVID-19 SEWAKTU PROSES UJIAN SARINGAN DIJALANKAN?

Proses menjalani ujian saringan melibatkan ramai pekerja, dan boleh menyebabkan SOP pencegahan Covid-19 seperti penjarakan fizikal terjejas. Oleh itu, pekerja perlu sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan sewaktu menjalani ujian. Ujian yang dijalankan di premis majikan juga perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM.

15. BILAKAH PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING AKAN DITAMATKAN?

Program ini dijangka tamat apabila situasi semasa penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing adalah terkawal atau telah dibendung dengan sebaiknya dan juga berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kemudahan ini juga adalah tertakluk kepada sebarang arahan kerajaan berkenaan perkara tersebut.

16. BAGAIMANAKAH PERKESO BOLEH DIHUBUNGI SEKIRANYA TERDAPAT PERTANYAAN LANJUT?

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi PERKESO melalui talian 03-4264 5089 atau 1-300-22-8000, atau layari Portal PSP di <https://psp.perkeso.gov.my>.



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KEPADA MAJIKAN BAGI PROGRAM SARINGAN
COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING MENGGUNAKAN
KAEDAH RTK ANTIGEN**

**DI NEGERI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR,
NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, SABAH DAN
W.P. LABUAN**

2020

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada majikan berkenaan pelaksanaan Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing menggunakan kaedah RTK Antigen.

2. LATAR BELAKANG PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO

- 2.1 Pada 27 November 2020, kerajaan melalui Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju untuk PERKESO melaksanakan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing yang bekerja di Selangor, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan W.P. Labuan bermula 1 Disember 2020. Arahan ini adalah berdasarkan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak dikalangan pekerja asing di kawasan tersebut.
- 2.2 Program saringan COVID-19 ke atas pekerja asing dilaksanakan sebagai usaha membantu kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 khususnya di kalangan pekerja asing. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan penilaian risiko jangkitan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di kalangan pekerja asing yang lebih tinggi berbanding pekerja tempatan.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1 Program ini diwajibkan bagi semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja di negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan W.P. Labuan.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Ujian saringan bagi Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing dijalankan secara berjadual dan berperingkat dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah yang berisiko tinggi, mulai 1 Disember 2020. Berikut adalah jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala di daerah-daerah yang dikenal pasti iaitu:
- a. Daerah Klang dan Seremban bermula pada 1 Disember 2020;
 - b. Lain-lain daerah zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bermula pada 9 Disember 2020;
 - c. Seluruh Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan bermula pada 16 Disember 2020.
- 4.2 Ujian saringan ini dijalankan dengan kerjasama klinik dan hospital swasta secara berjadual dan berperingkat dengan menggunakan kaedah RTK Antigen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO dan majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital. Bagi pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.
- 4.3 Bagi mengelakkan kesesakan semasa saringan, majikan perlu menghubungi klinik atau hospital untuk menetapkan tarikh dan masa saringan. Direktori klinik/hospital panel boleh dirujuk di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Saringan boleh dijalankan sama ada di premis majikan atau di klinik/hospital dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PERKESO.
- 4.4 Rujuk carta alir di bawah untuk panduan

PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING MENGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN

